

TUN M: PEMIMPIN YANG BERKARISMA



Foto: https://www.thestar.com/


Universiti Perdana merupakan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diasaskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2011. Universiti Perdana ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan graduan perubahan yang berdaya saing untuk memberikan khidmat kepada masyarakat. Dalam usaha menjadikan Universiti Perdana setanding dengan universiti perubahan yang lain, Universiti Perdana telah mengadakan program kerjasama dengan universiti peubatan dari luar negara.

Sempena sambutan kelahiran Tun Dr. Mahathir yang ke 93 tahun, Universiti Perdana telah menganjurkan pameran yang bertajuk *Tun Mahathir: A Forever Legacy*. Pameran tersebut diadakan di ruang pameran Universiti Perdana, Serdang, Selangor. Pameran yang diadakan sepanjang bulan Ogos tersebut telah dirasmikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah pada 12 Ogos 2018 yang lalu.

Pameran *Tun M: A Forever Legacy* ini telah diusahakan oleh James Yip, artis tempatan yang turut membantu pihak Universiti Perdana dalam usaha mengumpul karya dari dalam dan luar negara. Terdapat 40 negara yang menyertai dalam pameran ini seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland dan China. Kesemua barisan artis tersebut merupakan peminat setia Tun Dr. Mahathir dan mereka menjadikan perjalanan hidup Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah sebagai inspirasi dalam karya mereka.

Sepanjang pameran tersebut diadakan, para pengunjung berpeluang untuk melihat seni dan gaya lukisan daripada pelbagai latar belakang negara. Selain itu, pengunjung juga dapat membaca ucapan khas untuk Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah daripada para pelukis tersebut. Menurut James Yip, peminat Tun Dr. Mahathir bukan sahaja terdiri daripada golongan dewasa, tetapi ada dalam kalangan peminat cilik yang ingin menginterpretasikan rasa cinta dan sayang mereka terhadap Tun melalui karya mereka.

Terdapat beberapa karya yang kreatif dan menarik untuk dilihat dan menjadi pilihan Tun Dr. Mahathir. Antaranya termasuklah karya daripada Ayumi Imai dari Jepun yang melukis wajah Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah dengan hanya menggunakan teknik kaligrafi. Teknik tersebut merupakan salah satu teknik kesenian asli dari Jepun. Selain itu, terdapat juga lukisan seramik yang memperlihatkan wajah Tun Dr. Mahathir, sebuah hasil seni daripada pelukis Malaysia.



Potret wajah Tun Dr. Mahathir yang berlatar belakang panorama bangunan pencakar langit yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.



"Pameran Tun M: A Forever Legacy" telah berjaya menghimpunkan karya pelukis dari 40 negara.



Hasil karya Laetitia yang menggambarkan ekspresi perpaduan dalam Malaysia Baharu.

Para pengunjung, terutamanya pencinta seni berpeluang membeli karya tersebut sebagai koleksi peribadi. Sebagai tanda sokongan terhadap Tun Dr. Mahathir, para pelukis bersetuju untuk

menyerahkan sebahagian daripada hasil lukisan tersebut kepada Tabung Harapan Malaysia. Malah, ada juga pelukis yang bersetuju untuk menyalurkan kesemua hasil lukisan kepada tabung tersebut.

Arts + Literature - Drawing Arts
Pg. 50-53



Cosmological Icon, karya berharga Rahim Mat.



Simbolik gambaran jari yang berjaya mengubah pentadbiran Malaysia pada 9 Mei 2018.



Lakaran potret Tun Dr. Mahathir hasil karya Bethan Archer.



Lukisan kaligrafi dari Jepun yang menjadi tarikan utama dalam pameran tersebut.




Kuda merupakan haiwan yang digemari oleh Tun Dr. Mahathir dan menjadi subjek pilihan pelukis dari Singapura.



Potret Tun Dr. Mahathir yang menggambarkan perjuangan beliau dalam usaha memajukan Malaysia.




Selain pameran lukisan, pengunjung juga berpeluang melihat koleksi poskad sepanjang pentadbiran Tun Dr. Mahathir.



Hasil lukisan potret daripada pelukis Mongolia yang menyanjungi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang berkarisma.



Potret yang menggambarkan Robert Kuok memberikan penghormatan kepada Tun Dr. Mahathir.



Hasil lukisan potret Tun Dr. Mahathir daripada pelukis cilik Malaysia yang berusia enam tahun.



Antara hasil lukisan seramik daripada pelukis tempatan yang berjaya mencuri perhatian pengunjung yang hadir.



Antara potret kegemaran Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah dan menjadi tarikan pengunjung yang hadir ke pameran tersebut.



Lukisan potret Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah yang dihasilkan oleh Dr. Jambalmaa Khainzan.



Potret Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah ketika usia muda yang menjadi subjek pilihan James Yip.



Apabila melihat interpretasi para pelukis tersebut, jelas tergambar bahawa Tun Dr. Mahathir berjaya menjadi sumber inspirasi kepada semua lapisan masyarakat dan nama Tun Dr. Mahathir sentiasa meniti di bibir masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana ketokohan beliau sebagai pemimpin Malaysia sangat disanjung oleh rakyat di seluruh negara, malah suara beliau amat bernilai di pentas dunia.